

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 73

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menaik taraf klinik kesihatan. Pada suatu ketika, terdapat klinik kesihatan di sesebuah kawasan dengan penduduknya seramai 2000 orang. Pada masa kini, di sesetengah kawasan yang penduduknya mencecah seramai 20,000 orang, klinik kesihatannya masih mempunyai kemudahan yang sama. Adakah Kementerian dapat menambah kemudahan yang selaras dengan hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan memang mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan perkhidmatan di klinik kesihatan (KK) seluruh negara agar selaras dengan kedatangan pesakit yang semakin meningkat. Antara pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan bagi mempertingkatkan perkhidmatan di KK adalah dengan menaiktaraf KK sedia ada atau membina KK baharu untuk menggantikan KK sedia ada. Pada masa lalu, kerajaan menyediakan klinik dan perkhidmatan kebidanan di rumah bagi setiap 2000 penduduk berkonsepkan *3 tier system* (dengan izin), namun kini kerajaan membina fasiliti kesihatan yang lebih baik iaitu KK jenis 7 menggantikan Klinik Desa yang tidak lagi dibina. Kemudahan Kesihatan sedia ada memang ditambah atau fasiliti kesihatan dinaiktaraf atau atau pembinaan klinik baharu. Untuk makluman, ciri ciri utama yang digunakan untuk menentukan sesebuah fasiliti kesihatan dinaiktaraf berdasarkan keutamaan seperti berikut:-

- i. Tahap keselamatan yang mendesak;
- ii. Bangunan dan peralatan lama serta using;
- iii. Peningkatan beban penyakit;
- iv. Peningkatan penduduk dan keperluan meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan; dan
- v. Naiktaraf akibat pertambahan skop perkhidmatan kesihatan di fasiliti kesihatan tersebut.

Keperluan membina atau menaiktaraf kemudahan kesihatan sentiasa diteliti dan dikajisemula dari semasa ke semasa dan juga tertakluk kepada keadaan kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.